



Sistem Perbankan Islam Perlu Model Kukuh – Dr. Kabir



Dr. Kabir memberi penerangan kepada orang ramai mengenai Mampukah Sistem Kewangan Islam Menjadi Penawar Krisis Kewangan Global di UPM baru-baru ini.

SERDANG, 10 April – Sistem kewangan Islam perlu menjadi satu model kewangan yang kukuh dan tidak bergantung kepada model perbankan konvensional.

Pensyarah Universiti of New Orleans, Amerika Syarikat, Prof. Dr. M. Kabir Hassan berkata kebanyakan bank Islam di dunia tidak memahami konsep perbankan Islam secara mendalam.

"Untuk menjadikan sistem kewangan yang disokong oleh semua masyarakat, pihak berkuasa atau pihak bank perlu mencari sumber dan alternatif baru.

"Jika sistem kewangan ditiru daripada sistem kewangan konvensional sudah pasti ia akan merugikan kepada penggunaanya," katanya selepas menyampaikan syarahan umum bertajuk 'Mampukah Sistem Kewangan Islam Menjadi Penawar Kepada Krisis Kewangan Global' baru-baru ini di Dewan Taklimat Universiti Putra Malaysia.

Dr. Kabir percaya sistem kewangan Islam merupakan penyelesaian terbaik untuk memulihkan sistem kewangan kini yang berdepan dengan krisis ekonomi global.

Beliau berkata sistem kewangan Islam seperti Takaful, Sukuk dan Ar-Rahnu ternyata telah menjadi alternatif terbaik ketika berhadapan dengan krisis perbankan semasa.

Katanya fenomena itu menuntut umat Islam membuat pernilaian dan kajian terhadap pendekatan serta amalan semasa produk kewangan Islam agar pasarannya menjadi pilihan terbaik.

"Kita perlu memikirkan cara untuk menambahbaik sistem kewangan Islam sedia ada supaya berperanan menjadi pusat perkembangan perbankan Islam dunia," katanya.

Menurut beliau sektor perbankan Islam memerlukan tiga fasa sistem perbankan bagi mengukuhkan lagi industri itu.

Fasa pertama iaitu sistem seperti bank konvensional, orang ramai boleh menyimpan wang masing-masing di bank dan bank menggunakan wang pengguna bagi menampung keperluan mereka.

Kata Dr. Kabir fasa kedua melalui institusi mudarabah atau syarikat mudarabah iaitu orang ramai menyimpan wang mereka dan wang itu digunakan bagi tujuan membangunkan pelbagai perkara.

"Model ini amat sesuai bagi pembiayaan perusahaan kecil dan sederhana bagi kes seorang mempunyai idea perniagaan tetapi tidak mempunyai wang sementara seseorang lagi mempunyai modal.

"Fasa ketiga adalah mewujudkan sistem seperti modal teroka atau musyarakah yang membabitkan pembiayaan projek infrastruktur," katanya.



Pensyarah Universiti of New Orleans, Amerika Syarikat, Prof. Dr. M. Kabir Hassan.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.

